

PERSEPSI MASYARAKAT TERHADAP RAWATAN ALTERNATIF ISLAM: SATU KAJIAN KES DI NEGERI SELANGOR D.E

Khadher Ahmad, PhD,¹ Fauzi Deraman, PhD,² Mohd Farhan Md Ariffin³ dan Wan Noor Azila Wan Kamaruzaman⁴

^{1,2,3,4} Jabatan Al-Qur'an dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM), 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

¹khadher82@um.edu.my, ²fauzid@um.edu.my, ³al.muqarrobiin@gmail.com, ⁴wna88@yahoo.com

Abstrak

Bermula akhir tahun 1960, para pemikir Islam mula memperkenalkan "*Traditional Arabic and Islamic Medicine* (TAIM)" sebagai alternatif utama bagi model "*bio-medical*" bawaan Barat. Dalam rawatan Islam, penyakit tidak ditafsirkan secara *harfiah*. Penyakit yang menghinggapi seseorang dilihat dari dimensi berbeza. Penyebab utama adalah kurang keprihatinan terhadap aspek spiritual sehinggakan elemen sebab dan akibat perlu diambil perhatian. Justeru, perubatan secara Islam mempromosikan fokus utama rawatan berasaskan "*faith-healing*" melalui solat dan bacaan al-Qur'an. Peningkatan populariti dan penggunaan rawatan alternatif Islam yang semakin meluas khususnya di Malaysia, jelas memberi signifikan kepada polisi kesihatan awam semasa. Perkembangannya diakui memberi impak kepada penurunan masalah kesihatan dalam komuniti. Walaubagaimanapun, sehingga kini '*baseline data*' berkenaan rawatan alternatif Islam adalah sangat terhad dan menjadi keperluan mendesak untuk menyediakannya. Hal ini penting bagi memahami "*pattern*" *Islamic medicine* yang sedia wujud di Malaysia amnya. Melihatkan kepentingannya, artikel ini memfokuskan analisis terhadap persepsi masyarakat dari sudut pengetahuan tentang khidmat rawatan Islam yang ditawarkan, pengamalannya, khidmat rawatan disediakan dan masa depan pusat rawatan Islam. Para responden terdiri dari para pesakit yang mengunjungi pusat rawatan alternatif di sekitar negeri Selangor. Berdasarkan edaran borang soal selidik yang dilakukan, pengkaji mendapati persepsi masyarakat terhadap prospek berhubung rawatan alternatif Islam di negeri Selangor amat memberangsangkan. Hal ini menunjukkan kepekaan dan sokongan masyarakat terhadap keperluan pusat rawatan alternatif Islam. Meskipun begitu, masih terdapat beberapa sudut yang perlu dipertingkatkan untuk mewujudkan medium perubatan Islam yang lebih berwibawa. Antaranya berkait memperhalusi kebolehan perawat dalam merawat penyakit, penyeliaan kaedah rawatan pesakit, menambah skop rawatan yang disediakan di pusat rawatan dan meningkatkan kredibiliti pusat rawatan Islam untuk menjadi lebih dominan dan mampu menyaingi institusi perubatan sedia ada.

Kata kunci: Persepsi, sambutan, perubatan Islam, pusat rawatan Islam, Selangor

Abstract

Beginning on the end of year 1960, Islamic thinkers has introduced "*Traditional Arabic and Islamic Medicine*" (TAIM) as major alternative to West endowment "*bio medical*" model. In Islamic based medical treatment, diseases are not interpreted literally. Diseases that perch a person are seen from different dimension. The main cause is regarding less concern on spiritual aspect until the element cause and effect need to be taken attention. Thus, Islamic medicine promotes treatment based on "*faith-healing*" through prayer and al-Qur'an reading. Popularity and Islamic alternative treatment usage that increasingly widespread especially in Malaysia, clearly give significant value to the public health policy. The development confirmed have give impact to health problem decline in community. Nevertheless, up to date '*baseline data*' regarding Islamic alternative medicine is very limited and become urgent need to be prepare. It is important to understand the pattern of Islamic medicine that already existing in Malaysia generally. Seeing the interest, this article concentrate analysis on community's perception from the angle of Islamic treatment service that offered, the practitioners, treatment service prepared and the future of Islamic medical centre. Respondents are made up from patients that visiting Islamic alternative medical centre

around Selangor. Based on questionnaire form circulation are carried out, researcher find out community's perception on the prospect of Islamic alternative medicine in Selangor was very encouraging. That shows sensitivity and community support towards Islamic alternative medical centre. Even then, still there are a few angle that need to be raised to create Islamic medicine medium smarter. Among them related to the practitioners ability in treating illness, supervision on patients treatment methodologies, adds new treatment scope prepared in medical centre and increase Islamic medical centre credibility to become more dominant so that can compete with existing medical institution.

Keywords: Perception, reception, Islamic medicine, Islamic medical centre, Selangor

Pengenalan

Perubatan alternatif berasaskan Islam adalah merujuk kepada pendekatan rawatan selain rawatan melalui institusi rawatan moden seperti hospital, klinik dan pusat perubatan. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), terdapat pelbagai jenis perubatan alternatif. Ini berbeza mengikut cara dan pendekatan yang diamalkan. Cara dan pendekatan tersebut sama ada menggunakan terapi spiritual atau melalui penggunaan ubat-ubatan herba atau sebagainya (Timmermans, Karin, 2001). Menurut Esther Walcott (2004), istilah perubatan alternatif sering bertukar dengan istilah perubatan tradisional di Indonesia. Tambah beliau lagi, terdapat pelbagai jenis perubatan tradisional yang diketahui melalui cara dan pendekatan rawatannya. Ada yang menggunakan mantera dan jampi, ada yang menggunakan alatan tertentu dan ada juga yang menggunakan ubatan herba dan jamu (Esther Walcott, 2004).

Dari sudut pengamal perubatan alternatif pula, mereka dikenali dengan beberapa istilah yang berbeza dari sudut fungsi dan peranannya dalam perubatan. Di Jawa contohnya, seorang ahli perubatan alternatif dikenali sebagai "*dukun*" (Esther Walcott, 2004). Manakala dalam kalangan orang Melayu, terdapat beberapa istilah yang digunakan merujuk kepada pengamal perubatan alternatif tradisional. Antaranya, bomoh, pawang dan dukun. Kemudian, jika rawatan yang disediakan itu berteraskan pendekatan Islam, maka pengamalnya dikenali sebagai "*perawat*" atau "*ustaz*" (Khadher Ahmad, et al., 2013b).

Menurut Azizan Baharuddin (1993), perubatan Islam merupakan suatu bentuk sistem perubatan yang telah dikonsepsikan serta dibina oleh orang-orang Islam berbagai bangsa dan kumpulan etnik dari permulaan zaman Islam hinggalah sekarang. Ia berasaskan pada prinsip yang lahir dari ajaran dan doktrin Islam itu sendiri. Beliau turut memetik pandangan Roland Werner (1983) yang menyatakan bahawa perubatan Islam merupakan percubaan cendekiawan Muslim untuk menangani masalah penyakit dan kesihatan yang selari dengan pandangan bahawa Tuhan, manusia, alam

dan masyarakat saling berkait antara satu sama lain dengan cara yang harmoni. Bahkan perubatan Islam merupakan satu manifestasi budaya Islam terbaik dalam aspek spiritual, moral dan nilai etikanya (Azizan Baharuddin, 1993). Sekalipun perubatan alternatif itu merujuk kepada perubatan tradisional yang lebih awal berkembang dan diamalkan dalam masyarakat. Namun, takrifan paling tepat ialah cara perubatan alternatif yang mampu menyediakan kaedah rawatan pelengkap atau alternatif apabila kaedah perubatan sedia ada tidak mampu menampung atau membantu merawat dan menyelesaikan masalah sedia ada. Apabila dikaitkan dengan Islam, ia merujuk kepada khidmat rawatan yang disediakan itu menjadikan syariat sebagai landasan utama dalam proses penyediaan dan perlaksanaannya. Malah, perubatan alternatif Islam adalah merujuk kepada satu sistem rawatan yang diasaskan dengan tujuan untuk menjaga kemaslahatan manusia dan pelengkap kepada sistem rawatan sedia ada tetapi menitikberatkan syariat sebagai dasar utama dalam pelaksanaan. Kenyataan ini bertepatan dengan kenyataan daripada Khadher Ahmad mendefinisikan "*Pusat Rawatan Islam*" sebagai suatu tempat yang menjalankan kegiatan merawat dan menyediakan perkhidmatan rawatan penyakit serta menjadi tumpuan orang ramai untuk mencari ikhtiar kesembuhan (Khadher Ahmad, 2012).

Perkhidmatan rawatan dijalankan berlandaskan lunas-lunas agama Islam. Secara umumnya, perubatan alternatif Islam adalah berasaskan pada ciri-ciri berikut; [*Pertama*] Menggunakan bacaan atau jampi dari jenis ruqyah yang bersumberkan al-Quran, sunnah dan doa-doa yang baik, [*Kedua*] Mempunyai kaedah dan teknik rawatan mengikut ajaran Nabi SAW atau tidak bercanggah dengan syariat dan tidak meragukan, [*Ketiga*] Menggunakan bahan-bahan rawatan tertentu yang bersih dan suci, bukan dari jenis bahan yang diharamkan atau najis, [*Keempat*] Menitikberatkan syariat Islam dalam setiap aspek praktikal rawatan seperti pemeliharaan aurat wanita, tidak bersendirian antara perawat lelaki dan pesakit wanita, mengamalkan konsep membantu sesama Muslim dan sebagainya

(Khadher Ahmad, Abdullah Yusuf & Mohd Farhan Md Ariffin., 2014a).

Kesimpulannya, perubatan alternatif Islam adalah merujuk kepada satu sistem rawatan yang diasaskan untuk menjaga kemaslahatan umat manusia dan pelengkap kepada sistem rawatan secara klinikal tetapi menitikberatkan syariat sebagai landasan utama dalam pelaksanaan sistem tersebut (Khadher Ahmad, 2013a).

Senarai Pusat Rawatan Alternatif Islam Di Selangor

Dalam kajian yang dijalankan antara tahun 2008 hingga 2013, didapati perkembangan perubatan bercirikan perubatan Islam amat memberangsangkan berikutan penerimaan masyarakat terhadapnya yang turut meningkat. Buktinya, dalam tempoh tersebut, pengkaji telah menyenaraikan lebih tujuh puluh (70) buah pusat rawatan alternatif berasaskan Islam di Malaysia.

Pusat-pusat rawatan alternatif yang menjadi subjek kajian adalah merangkumi pusat rawatan seluruh Malaysia kecuali Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak. Daripada jumlah tersebut, 26 daripadanya bertapak di negeri Selangor. Senarai pusat-pusat rawatan alternatif Islam boleh dilihat pada jadual berikut;

Selangor Darul Ehsan	
Bil.	Nama Pusat Rawatan
1.	D'Urut Hanafi
2.	Pusat Rawatan Kasturi Syifa'
3.	Pusat Perubatan Islam Kasturi
4.	Pusat Rawatan Islam IQ Insan
5.	Thibbun Nabawi Healing Centre
6.	Pusat Rawatan Islam Al-Hidayah
7.	Pusat Rawatan Islam Al-Manarah
8.	Pusat Rawatan Islam Darul Ruqiyah
9.	Pusat Rawatan Islam Nur Muhammad
10.	Pusat Rawatan Islam Sinar Zamdurrani
11.	El-Fesfanji Islamic Traditional Medicine
12.	Pusat Rawatan Traditional Aura Nusantara
13.	Pusat Rawatan Islam: Penawar Sihir & Saka
14.	Pusat Rawatan Komplimentari Islam Yashfien
15.	Pusat Rawatan Islam Sepohon Jadi (PRAWIS)
16.	Pusat Rawatan Alternatif Rumah~Sihat (Bekam Terapi Moden Malaysia)
17.	Pusat Bekam Sunnah: Nurul Sunnah Enterprise
18.	ISMAK (Islamic Medicine of Al-Kausar) Ruqyah
19.	Persatuan Perubatan Islam Darussalam Malaysia
20.	Akademi Rawatan Islam Nur Ehsan (AKRINE)
21.	Nan S Spa Centre (Pusat Rawatan Bekam Nans)
22.	Pusat Terapi Hikmah (Kedai Bekam & Resdung)
23.	Kumpulan Perawat Bandar Tasik Puteri Rawang Selangor (PEBATAP)
24.	Pusat Rawatan Alternatif Nur Islam (PUSRANI)

Selangor Darul Ehsan	
25.	Mohd Baitussyifa' (Rawatan Traditional Secara Islam)
26.	Persatuan Kebajikan & Pengubatan Islam Malaysia (Darussyifa')

Skop Dan Metodologi

Artikel ini bertujuan menilai tahap persepsi masyarakat yang terdiri dari kalangan pesakit-pesakit beragama Islam yang mengunjungi pusat-pusat rawatan alternatif Islam yang terdapat di Selangor. Tumpuan kajian merangkumi sudut pengetahuan tentang rawatan Islam, para pengamalannya, jenis khidmat rawatan disediakan dan prospek masa depan pusat rawatan Islam.

Pengumpulan data adalah menggunakan satu set borang soal selidik. Sebelum itu, kajian rintis telah dijalankan terhadap 50 orang pesakit untuk menilai tahap kebolehpercayaan borang soal selidik tersebut. Hasil *cronbach alpha* yang diperoleh daripada hasil borang soal selidik tersebut adalah .720 dan ini lebih besar daripada julat ditetapkan (0.6). Jadi, *validity* (tahap kebolehpercayaan) borang kaji selidik adalah diprakui.

Reliability Statistics

Cronbach's Alpha	N of Items
.720	31

Sumber : Soal Selidik (Pertengahan 2013)

Setelah itu, data akan dianalisis menggunakan metode *frequency* (jadual kekerapan) melalui perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS). Ini bagi memastikan data dapat dianalisis dan diolah dengan baik serta memahami signifikan respons.

Seterusnya bagi analisis soalan skala bahagian C, pengkaji menggunakan 5 skala mata, iaitu *Sangat Tidak Setuju, Tidak Setuju, Sederhana Setuju, Setuju* dan *Sangat Setuju*.

Skala Jawapan	Tahap Persepsi	Julat Skor
▪ Sangat Tidak Setuju	Rendah	1.00-2.33
▪ Tidak Setuju		
▪ Setuju	Sederhana	2.331-3.66
▪ Sederhana Setuju	Tinggi	3.661-5.00
▪ Sangat Setuju		

Daripada skala tersebut, ditetapkan tiga kategori tahap penilaian seperti dalam jadual di atas; iaitu persepsi *Rendah, Sederhana* dan *Tinggi*. Oleh

demikian, pengkaji dapat menyimpulkan kaitan skala jawapan dengan tahap persepsi responden.

Oleh itu, artikel ini berguna untuk menganalisis kaitan antara persepsi masyarakat terhadap hala tuju pusat rawatan sebagai batu asas kepada penambahbaikan dan perkembangan lebih efektif dan memenuhi tuntutan semasa.

Perbincangan Kajian

Bahagian A: Profil Responden

Satu kajian telah dijalankan di dua puluh enam (26) buah pusat rawatan alternatif Islam sekitar negeri Selangor. Dalam kajian ini, soal selidik telah dirangka untuk mendapatkan data butir-butir peribadi responden berdasarkan jawapan yang diberikan bagi soalan 1-5 bahagian A. Bahagian ini memaparkan jantina, umur, status, taraf pendidikan tertinggi dan pekerjaan.

Latar Belakang Responden Mengikut Jantina, Umur, Status, Taraf Pendidikan Tertinggi dan Pekerjaan


Latar Belakang Responden		Kekerapan	Peratus
Jantina	Lelaki	50	56.2
	Perempuan	39	43.8
	Jumlah	89	100.0
Umur	17 tahun ke bawah	2	2.2
	18 tahun - 29 tahun	36	40.4
	30 tahun - 40 tahun	22	24.7
	41 tahun - 50 tahun	12	13.5
	51 tahun ke atas	17	19.1
	Jumlah	89	100.0
Status	Belum berkahwin	36	40.4
	Berkahwin	51	57.3
	Duda/Janda	2	2.2
	Jumlah	89	100.0
Taraf Pendidikan Tertinggi	Sekolah Rendah	3	3.4
	Pondok/Pesantren	2	2.2
	Sekolah Menengah	32	36.0
	IPT Dalam Negara	45	50.6
	IPT Luar Negara	7	7.9
	Jumlah	89	100.0
Pekerjaan	Kerajaan Badan	17	19.1

Berkanun Swasta	5	5.6
Bekerja Sendiri	29	32.6
Tidak Bekerja	15	16.9
Pelajar	10	11.2
Jumlah	13	14.6
	89	100.0

Sumber: Soal Selidik (Pertengahan 2013)


Berdasarkan taburan responden dalam Jadual 1, bilangan responden lelaki mengatasi bilangan responden perempuan. Jumlah responden lelaki seramai 50 orang (56.2%) manakala hanya seramai 39 orang (43.8%) terdiri dari kaum perempuan. Ini dapat dilihat pada rajah 1.

Rajah 1: Taburan Responden Mengikut Jantina




Masih merujuk jadual 1, didapati jumlah tertinggi responden seramai 36 orang (40.4%) terdiri daripada mereka yang berumur antara 18 tahun–29 tahun. Manakala peratusan terendah dicatatkan golongan berumur 17 tahun ke bawah sebanyak 2 orang (2.2%).

Rajah 2: Taburan Responden Mengikut Umur




Manakala rajah 3 menunjukkan bilangan tertinggi dicatatkan golongan yang sudah berkahwin sebanyak 51 orang (57.3%). Manakala peratusan terendah dicatatkan golongan duda/janda sebanyak 2 orang (2.2%).

Rajah 3: Taburan Responden Mengikut Status




Kenyataan dari jadual 1 sebelum ini menunjukkan peratusan tertinggi dicatatkan bagi bahagian taraf pendidikan tertinggi ialah dari IPT Dalam Negara sebanyak 45 orang (50.6%). Peratusan terendah dicatatkan dari pondok/pesantren dengan hanya 2 orang (2.2%). Lain-lain data telah digambarkan dalam rajah berikut;

Rajah 4: Taburan Responden Mengikut Taraf Pendidikan Tertinggi



Di samping itu, bilangan tertinggi jenis pekerjaan responden adalah dari kategori swasta berjumlah 29 orang (32.6%). Manakala badan berkanun mencatat peratusan terendah dengan 5 orang (5.6%). Lain-lain data telah digambarkan dalam rajah berikut;

Rajah 5: Taburan Responden Mengikut Pekerjaan



Bahagian (B): Interaksi Responden Terhadap Rawatan Alternatif Berteraskan Islam di Selangor

Dalam bahagian ini, pengkaji menganalisis pengetahuan dan interaksi responden terhadap rawatan alternatif berteraskan Islam. Berikut merupakan dapatan kajian merujuk kepada jawapan responden bagi soalan B1 - B7.

B1: Persepsi responden sama ada mengetahui kewujudan pusat rawatan alternatif berteraskan Islam khususnya di Selangor.

	Kekerapan	Valid Percent
Ya	88	98.9
Tidak	1	1.1
Jumlah	89	100.0

Sumber : Soal Selidik (Pertengahan 2013)

Dalam jadual di atas, majoriti responden mengatakan “ya” iaitu sebanyak 88 orang (98.9%). Manakala sebaliknya adalah seorang (1.1%).

B2: Persepsi responden sama ada pernah mendapatkan khidmat rawatan penyakit di pusat rawatan alternatif.

	Kekerapan	Valid Percent
Adakah pernah YA	67	75.3
mendapatkan Tidak	22	24.7
rawatan Jumlah	89	100.0

Sumber : Soal Selidik (Pertengahan 2013)

Jadual di atas menunjukkan 67 orang (75.3%) responden pernah mendapatkan rawatan berbanding 22 orang (24.7%) sebaliknya.

B3: Persepsi responden mengenai jenis pusat rawatan alternatif sering dirujuk.

	Kekerapan	Valid Percent
Rawatan Berteraskan Islam	62	70.0
Rawatan Bekam	3	3.3
Rawatan Tradisional (bomoh, dukun)	2	2.2
Rawatan Allopati	10	11.2
Lain-lain	12	13.3
Jumlah	89	100.0

Sumber : Soal Selidik (Pertengahan 2013)

Dalam jadual di atas, rawatan berteraskan Islam mencatatkan jumlah tertinggi seramai 62 orang (92.5%). Jumlah terendah pula dicatatkan rawatan tradisional (bomoh/dukun) sebanyak 12 orang (13.3%).

B4: Persepsi responden mengenai jenis khidmat rawatan penyakit yang biasa dirujuk di pusat rawatan alternatif berteraskan Islam.

	Kekerapan	Valid Percent
Penyakit yang disebabkan oleh gangguan makhluk halus	76	85.4
Penyakit fizikal	9	10.1
Penyakit berkaitan jiwa atau mental	1	1.1
Lain-lain	3	3.4
Jumlah	89	100.0

Sumber : Soal Selidik (Pertengahan 2013)

Peratusan tertinggi menunjukkan rujukan masyarakat kuat didorong penyakit disebabkan gangguan makhluk halus dengan jumlah 76 orang (85.4%). Peratusan kedua tertinggi mewakili penyakit fizikal berjumlah 9 orang (10.1%). Taburan terendah pula mewakili penyakit berkaitan jiwa dengan hanya seorang (1.1%).

B5: Persepsi responden mengenai faktor pendorong mendapatkan dan merujuk kepada khidmat rawatan alternatif berteraskan Islam.

	Kekerapan	Valid Percent
Kesukaran pihak hospital atau klinik untuk mengubati pesakit tersebut	17	19.0
Lebih yakin dengan pendekatan dalam rawatan Islam	41	46.0
Mencuba sesuatu yang baru	8	9.0
Desakan daripada ahli keluarga atau rakan-rakan	2	2.4

Kemahuan sendiri untuk mendapatkan khidmat rawatan berteraskan Islam	21	23.6
Jumlah	89	100.0

Sumber : Soal Selidik (Pertengahan 2013)

Taburan tertinggi seramai 41 orang (46.0%) mengatakan lebih yakin dengan pendekatan dalam rawatan Islam. Taburan kedua tertinggi pula disebabkan kemahuan sendiri untuk mendapatkan khidmat rawatan berteraskan Islam dengan jumlah 21 orang (23.6%). Taburan terendah menunjukkan desakan ahli keluarga atau rakan dengan jumlah 2 orang (2.4%).

B6: Persepsi bagaimana responden mengetahui lebih lanjut berhubung pusat rawatan alternatif Islam.

	Kekerapan	Valid Percent
Media Massa	32	36.0
Media Elektronik	8	9.0
Maklumat rakan /ahli keluarga	45	50.6
Usaha sendiri	4	4.5
Jumlah	89	100.0

Sumber : Soal Selidik (Pertengahan 2013)

Dalam jadual di atas menunjukkan taburan tertinggi adalah melalui maklumat daripada rakan mahupun ahli keluarga dengan jumlah sebanyak 45 orang (50.6%). Peratusan kedua tertinggi adalah melalui media massa dengan jumlah sebanyak 32 orang (36.0%). Peratusan terendah adalah melalui media elektronik dengan jumlah sebanyak 8 orang (9.0%).

Bahagian (C): Skala Persepsi Responden Terhadap Pusat Rawatan Alternatif Berteraskan Islam Di Selangor

Dalam bahagian ini, pengkaji menganalisis interaksi responden terhadap rawatan alternatif berteraskan Islam berdasarkan tiga pecahan besar.

- (1) Persepsi responden mengenai skop rawatan pengubatan alternatif berasaskan Islam
- (2) Persepsi responden mengenai skop perawat yang mengamalkan pengubatan alternatif Islam
- (3) Persepsi responden mengenai prospek masa hadapan pengubatan alternatif Islam

Berikut merupakan dapatan kajian merujuk kepada jawapan responden bagi soalan C1 – C11.

- (1) Persepsi responden mengenai skop rawatan pengubatan alternatif berasaskan Islam

C1: Pusat rawatan alternatif berteraskan Islam berperanan penting sepertimana hospital dan klinik

	Kekerapan	Valid Percent
Sangat Tidak Setuju	1	1.1
Tidak Setuju	1	1.1
Setuju	31	34.8
Sederhana Setuju	15	16.9
Sangat Setuju	41	46.1
Jumlah	89	100.0

Sumber : Soal Selidik (Pertengahan 2013)

Dalam jadual di atas, taburan tertinggi seramai 41 orang (46.1%) “*sangat setuju*” pusat rawatan alternatif berteraskan Islam berperanan penting sepertimana hospital dan klinik. Kelompok responden yang “*tidak setuju*” dan “*sangat tidak setuju*” masing-masing mencatatkan jumlah terendah seramai seorang (1.1%).

C2: Sumber utama ilmu pengubatan Islam adalah daripada al-Qur’an dan sunnah Nabi

	Kekerapan	Valid Percent
Setuju	15	16.9
Sederhana Setuju	9	10.1
Sangat Setuju	65	73.0
Jumlah	89	100.0

Sumber : Soal Selidik (Pertengahan 2013)

Dalam jadual di atas, taburan tertinggi seramai 65 orang (73.0%) “*sangat setuju*” sumber utama ilmu pengubatan Islam adalah daripada al-Quran dan sunnah Nabi. Jumlah terendah dicatatkan “*sedehana setuju*” sebanyak 9 orang (10.1%).

C3: Rawatan alternatif Islam menyediakan khidmat rawatan bertepatan dengan syariat

	Kekerapan	Valid Percent
Sangat Tidak Setuju	3	3.4
Tidak Setuju	15	16.9
Setuju	30	33.7
Sederhana Setuju	18	20.2
Sangat Setuju	23	25.8
Jumlah	89	100.0

Sumber : Soal Selidik (Pertengahan 2013)

Dalam jadual di atas, taburan tertinggi responden 30 orang (33.7%) “*setuju*” semua pusat rawatan alternatif berteraskan Islam di Selangor menyediakan khidmat rawatan bertepatan dengan syariat. Jumlah terendah dicatatkan “*sangat tidak setuju*” dengan 3 orang (3.4%).

C4: Menggunakan jampi serapah atau sesuatu mantera yang tidak difahami dan digabungkan dengan

ayat-ayat al-Quran atau doa-doa tertentu bukan merupakan pengubatan berteraskan Islam

	Kekerapan	Valid Percent
Sangat Tidak Setuju	19	21.3
Tidak Setuju	10	11.2
Setuju	17	19.1
Sederhana Setuju	6	6.7
Sangat Setuju	37	41.6
Jumlah	89	100.0

Sumber : Soal Selidik (Pertengahan 2013)

Dalam jadual di atas, taburan tertinggi seramai 37 orang (41.6%) “*sangat setuju*” menggunakan jampi serapah atau sesuatu mantera yang tidak difahami dan digabungkan dengan ayat-ayat al-Quran atau doa-doa tertentu bukan merupakan pengubatan berteraskan Islam. Jumlah terendah dicatatkan “*sedehana setuju*” dengan jumlah 6 orang (6.7%).

C5: Pusat rawatan alternatif Islam sesuai melibatkan makhluk halus sahaja

	Kekerapan	Valid Percent
Sangat Tidak Setuju	16	18.0
Tidak Setuju	37	41.6
Setuju	15	16.9
Sederhana Setuju	13	14.6
Sangat Setuju	8	9.0
Jumlah	89	100.0

Sumber : Soal Selidik (Pertengahan 2013)

Dalam jadual di atas, taburan tertinggi seramai 37 orang (41.6%) “*tidak setuju*” pusat rawatan alternatif Islam hanya sesuai untuk mendapatkan khidmat rawatan penyakit yang melibatkan makhluk halus sahaja. Taburan terendah responden pula dicatatkan oleh “*sangat setuju*” sebanyak 8 orang (9.0%).

C6: Penyakit fizikal seperti demam, sakit kepala, kencing manis, lemah jantung dan lain-lain turut dirawat di pusat rawatan alternatif Islam

	Kekerapan	Valid Percent
Tidak Setuju	5	5.6
Setuju	34	38.2
Sederhana Setuju	25	28.1
Sangat Setuju	25	28.1
Jumlah	89	100.0

Sumber : Soal Selidik (Pertengahan 2013)

Dalam jadual di atas, taburan tertinggi seramai 34 orang (38.2%) “*setuju*” penyakit fizikal seperti demam, sakit kepala, kencing manis, lemah jantung dan lain-lain turut dirawat di pusat rawatan alternatif Islam. Jumlah

terendah dicatatkan oleh “*tidak setuju*”, sebanyak 5 orang (5.6%).

(2) *Persepsi responden mengenai skop perawat yang mengamalkan pengubatan alternatif Islam*

C7: Aspek keperibadian perawat merupakan aspek penting dalam menentukan kriteria seorang perawat

	Kekerapan	Valid Percent
Sangat Tidak Setuju	2	2.2
Setuju	27	30.3
Sederhana Setuju	18	20.2
Sangat Setuju	42	47.2
Jumlah	89	100.0

Sumber : Soal Selidik (Pertengahan 2013)

Dalam jadual di atas, taburan tertinggi seramai 42 orang (47.2%) “*sangat setuju*” keperibadian perawat merupakan aspek penting dalam menentukan kriteria seorang perawat Islam. Jumlah terendah dicatatkan oleh “*sangat tidak setuju*”, sebanyak 2 orang (2.2%).

C8: Perawat hanya terdiri dari kalangan mereka yang bergelar “*ustaz*” atau “*ustazah*”

	Kekerapan	Valid Percent
Sangat Tidak Setuju	6	6.7
Tidak Setuju	36	40.4
Setuju	21	23.6
Sederhana Setuju	9	10.1
Sangat Setuju	17	19.1
Jumlah	89	100.0

Sumber : Soal Selidik (Pertengahan 2013)

Dalam jadual di atas, taburan tertinggi seramai 36 orang (40.4%) “*tidak setuju*” perawat terdiri dari kalangan mereka yang bergelar “*ustaz*” atau “*ustazah*” sahaja. Jumlah terendah pula dicatatkan oleh “*sangat tidak setuju*” sebanyak 6 orang (6.7%).

(3) *Persepsi responden mengenai prospek masa hadapan pengubatan alternatif Islam*

C9: Pusat rawatan alternatif Islam bakal berkembang dengan lebih pesat dan maju pada masa akan datang

	Kekerapan	Valid Percent
Setuju	25	28.1
Sederhana Setuju	22	24.7
Sangat Setuju	42	47.2
Jumlah	89	100.0

Sumber : Soal Selidik (Pertengahan 2013)

Dalam jadual di atas, taburan tertinggi seramai 42 orang (47.2%) “*sangat setuju*” pusat rawatan alternatif Islam bakal berkembang dengan lebih pesat dan maju pada masa akan datang. Peratusan terendah pula dicatat “*sederhana setuju*” dengan jumlah 22 orang (24.7%).

C10: Pusat rawatan alternatif boleh berkembang apabila bergabung dengan hospital dan klinik

	Kekerapan	Valid Percent
Sangat Tidak Setuju	2	2.2
Tidak Setuju	4	4.5
Setuju	27	30.3
Sederhana Setuju	18	20.2
Sangat Setuju	38	42.7
Jumlah	89	100.0

Sumber : Soal Selidik (Pertengahan 2013)

Dalam jadual di atas, taburan tertinggi seramai 38 orang atau 42.7% “*sangat setuju*” mengatakan pusat rawatan alternatif Islam boleh berkembang apabila bergabung dengan hospital dan klinik. Taburan terendah dicatatkan oleh “*sangat tidak setuju*” dengan 2 orang (2.2%).

C11: Pusat rawatan Islam boleh mengambil alih peranan hospital dan klinik

	Kekerapan	Valid Percent
Sangat Tidak Setuju	4	4.5
Tidak Setuju	20	22.5
Setuju	27	30.3
Sederhana Setuju	23	25.8
Sangat Setuju	15	16.9
Jumlah	89	100.0

Sumber : Soal Selidik (Pertengahan 2013)

Dalam jadual di atas, taburan tertinggi seramai 27 orang (30.3%) “*setuju*” pusat rawatan alternatif Islam boleh mengambil alih peranan hospital dan klinik dalam rawatan penyakit. Taburan terendah dicatatkan oleh “*sangat tidak setuju*” seramai 4 orang (4.5%).

Hasil Perbincangan

Berdasarkan perbincangan terdahulu dalam bahagian B, majoriti responden mengetahui kewujudan pusat rawatan alternatif berteraskan Islam di Malaysia dan pernah mendapatkan rawatan. Malah, pusat rawatan alternatif berteraskan Islam merupakan jenis pusat rawatan alternatif yang sering dirujuk oleh para responden (Lihat perbincangan soalan B1, B2 dan B3). Ini membuktikan, perubatan alternatif berteraskan Islam berperanan penting kepada masyarakat Muslim di Selangor berbanding perubatan alternatif lain.

Malah, peratusan tertinggi responden turut berpandangan “*sangat bersetuju*” berkenaan peranan penting pusat rawatan alternatif berteraskan Islam sepertimana hospital dan klinik. Ini sekaligus memperlihatkan persepsi yang tinggi dalam kalangan responden dan tidak boleh menafikan “*vitality*” peranan rawatan Islam dalam merawat penyakit (Lihat perbincangan soalan C1).

Tahap persepsi tinggi dalam kalangan responden turut dapat diperhatikan apabila peratusan tertinggi responden mengatakan “*tidak setuju*” pusat rawatan alternatif Islam hanya sesuai untuk mendapatkan khidmat rawatan penyakit melibatkan makhluk halus sahaja. Justeru, ini menunjukkan keyakinan masyarakat terhadap potensi peranan pusat rawatan alternatif Islam yang lebih luas dari kebiasaannya (Lihat perbincangan soalan C5).

Signifikan pusat rawatan alternatif Islam di Selangor juga dilihat lebih dipengaruhi atas dua faktor utama iaitu;

(1) Hampir 70% responden mendapatkan kaedah rawatan alternatif Islam oleh kerana lebih yakin dengan pendekatan digunakan (*Islamic approach*) selain kemahuan sendiri (*self desire*) untuk mendapatkan khidmat rawatan berteraskan Islam (Lihat perbincangan soalan B5). Hal ini jelas menampakkan perbezaan dari faktor kebiasaan dirujuk kepada rawatan Islam iaitu apabila kesukaran pihak hospital atau klinik untuk mengubati penyakit tertentu. (John A. Astin, 1998). Justeru, dengan keyakinan dan keterbukaan masyarakat, ini, rawatan Islam sudah menjadi alternatif utama dalam merawat penyakit dan bukan lagi “*last choice*.” Hal ini turut didorong kesedaran masyarakat mengenai keburukan dan kesan sampingan ubat-ubatan klinikal (John A. Astin, 1998).

(2) Lebih 80% rujukan masyarakat kepada pusat rawatan Islam adalah apabila melibatkan fungsi kebiasaannya (*normal function*) sebagai penyelesaian masalah penyakit spiritual atau gangguan makhluk halus (Lihat perbincangan soalan B4).

Meneliti pecahan pertama analisis bahagian C berhubung *persepsi responden mengenai skop rawatan pengubatan alternatif berasaskan Islam*. persepsi tahap tinggi responden dapat dilihat apabila majoriti responden masing-masing memilih “*sangat setuju*” sumber utama ilmu pengubatan Islam adalah daripada al-Qur’an dan sunnah Nabi serta menggunakan jampi serapah atau sesuatu mantera yang tidak difahami dan digabungkan dengan ayat-ayat al-Qur’an atau doa-doa tertentu bukan merupakan pengubatan berteraskan Islam (Lihat perbincangan soalan C2 dan C3). Justeru, para responden di Selangor sangat memahami dasar manhaj *Islamic medicine* dan mampu menilai secara terus rawatan yang diberikan oleh perawat. Malah atas

sebab yang sama, responden memberikan persepsi sederhana apabila membicarakan mengenai usul, rawatan alternatif Islam menyediakan khidmat rawatan yang bertepatan dengan syariat. Jelas, persepsi sederhana ini wujud tidak lain adalah akibat masih terdapat pusat rawatan alternatif Islam yang mengamalkan cara meragukan, penggunaan jin dan aplikasi khurafat tahyul yang bercanggah dengan norma *Islamic medicine* (Khadher Ahmad & Mohd Farhan Md Ariffin, 2013c; dan Mohd Farhan Md Ariffin, et.al., 2015).

Selanjutnya, berkenaan usul penyakit fizikal seperti demam, sakit kepala, kencing manis, lemah jantung dan lain-lain turut dirawat di pusat rawatan alternatif berteraskan Islam. Persepsi responden terhadap peranan perubatan alternatif Islam dalam rawatan penyakit fizikal berada pada tahap sederhana. Ini membuktikan responden tidak mengetahui lebih lanjut akan skop peranan lebih komprehensif yang mampu dimainkan rawatan alternatif Islam di Malaysia. Sesuatu perlu dilakukan dengan segera. Perkara ini perlu diperkukuh dengan memberi penekanan kepada aspek rawatan fizikal di pusat-pusat rawatan alternatif Islam (Khadher Ahmad, Mohd Farhan Md Ariffin, Abdullah Yusof & Sedek Arifin, 2014b).

Seterusnya, mengulas berkenaan *persepsi responden mengenai skop perawat yang mengamalkan pengubatan alternatif Islam* dalam soalan C7 dan C8 secara menyeluruh, pengkaji dapat menyatakan persepsi responden adalah berada pada tahap tertinggi. Majoriti responden sangat menilai keperibadian perawat dalam menentukan kriteria seorang perawat dan tidak menyokong dasar perawat hanya terdiri dari kalangan mereka yang bergelar “*ustaz*” atau “*ustazah*” sahaja. Sesiapa sahaja berkelayakan menjadi perawat dan menyediakan khidmat rawatan dengan syarat memiliki kepakaran ilmu yang tidak bercanggah dengan manhaj Islam. (Khadher Ahmad, Mohd Farhan Md Ariffin & Ishak Suliaman, 2014c).

Daripada keseluruhan analisis bahagian C berkenaan *persepsi responden mengenai prospek masa hadapan pengubatan alternatif Islam di Selangor*, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa sokongan dan kepercayaan responden terhadap *Islamic medicine* amat baik. Ini dibuktikan dalam soalan C9 (*Pusat rawatan alternatif Islam bakal berkembang dengan lebih pesat dan maju pada masa akan datang*) dan C10 (*Pusat rawatan alternatif Islam boleh berkembang apabila bergabung dengan hospital dan klinik*). Kenyataan ini disokong oleh majoriti responden yang tidak menolak potensi besar *Islamic medicine* dan berpandangan “*sangat setuju*” (memiliki persepsi tahap tinggi) dengan paradigma lapangan terbabit untuk maju dan berintegrasi dengan rawatan moden.

Berbeza dengan data sebelumnya, majoriti responden hanya menyatakan “*setuju*” bagi analisis

dapatan soalan C11. Justeru, persepsi masyarakat dalam isu “*pengambilalihan peranan*” institusi kesihatan moden untuk diberikan kepada pusat rawatan Islam berada pada tahap sederhana.

Kesimpulannya, sokongan masyarakat untuk diwujudkan kombinasi antara rawatan alternatif dengan moden perlu direalisasikan. Bidang rawatan alternatif Islam perlu maju seiring kecanggihan teknologi perubatan. Pengambilalihan peranan institusi sedia ada bukanlah jalan terbaik. Satu titik pertemuan perlu dicari demi kepentingan bersama. Praktik rawatan secara Islam tidak dinafikan bermanfaat. Namun, ia mungkin mencetuskan bahaya kepada pesakit jika mengabaikan rujukan pada pusat perubatan moden untuk proses kesembuhan tanpa keraguan (Khadher Ahmad, Abdullah Yusuf & Mohd Farhan Md Ariffin, 2014a).

Kesimpulan

Rumusan yang dapat dinukilkan di sini ialah;

- (1) Sokongan masyarakat Muslim di negeri Selangor terhadap fenomena keperluan terhadap rawatan alternatif Islam amat menggalakkan. Responden yakin bidang rawatan alternatif mampu berkembang pesat di Malaysia.
- (2) Penggabungan rawatan alternatif dengan institusi kesihatan moden sedia ada amat dialu-alukan. Meskipun memerlukan masa untuk proses adaptasi menyeluruh, kepentingan kedua-duanya tidak wajar dipisahkan.
- (3) Keberkesanan rawatan secara alternatif masih menjadi bahan pertikaian. Di sini, keilmuan perawat memainkan peranan penting untuk mendapatkan lebih keyakinan masyarakat. Proses “*takeover*” fungsi institusi kesihatan moden sedia ada dianggap tidak wajar oleh masyarakat. Ini mungkin dinilai berasaskan beberapa faktor. Antaranya berkait latar belakang pendidikan dan pengalaman perawat alternatif yang sulit diukur tahap kecekapan, keberhasilan pengesanan dan rawatan penyakit yang lebih *thabit* dengan alatan moden serta keberadaan hospital dan klinik kesihatan yang *multi-fungsi* kepada masyarakat.
- (4) Walaupun persepsi masyarakat tersebut membuktikan kecenderungan kepada pemilihan perubatan moden sebagai langkah selamat, perubatan alternatif perlu terus dibangunkan. Malah, lebih 70% populasi di negara membangun masih bergantung kepada sistem perubatan komplementari atau alternatif. Terutama di kawasan desa, budaya kepercayaan dan praktik setempat lazimnya melakukan penjagaan diri sendiri (*self-care*), ubat-ubatan kampung atau khidmat nasihat dengan perawat tradisional (*traditional healer*) (Hassan Azaizah, et.al., 2010).

Akhirnya, “*Islamic Medicine*” diakui amat berperanan kepada rakyat Selangor. Oleh demikian, semua isu berbangkit yang menonjolkan kelemahan

Islamic medicine wajar ditangani secara berkesan. Kaedah pertama yang harus digerakkan ialah memberi ilmu dan kesedaran kepada masyarakat terhadap potensi peranan lebih luas dimiliki “*Islamic Medicine*.” Kaedah kedua memastikan keberkesanan (*efficacy*), keselamatan (*safety*) dan kawalan kualiti (*quality control*) aspek rawatan yang menjadi bahan cemuhan pakar perubatan professional dapat diimplementasi sekaligus diperakui pihak berwajib (Xu Hao, Chen Ke-Ji, 2012).

Di sini, semua pihak terlibat perlu menjalin kerjasama untuk memperkasakan peranan “*Islamic Medicine*”. Dengan pelaksanaan perkara tersebut, “*Islamic Medicine*” bakal mencapai sasaran menjadi “*mainstream*” dalam rawatan penyakit di Malaysia dan bukan lagi “*last choice*.”

Penghargaan

Penghargaan kepada pihak Universiti Malaya atas peruntukan melalui Geran Penyelidikan Universiti Malaya (UMRG) yang bernombor RG419-12HNE bertajuk “*Pusat Rawatan Alternatif Berteraskan Al-Quran Dan Sunnah: Kajian di Malaysia*” dalam usaha menjalankan keseluruhan penyelidikan ini.

Rujukan

- Azizan Baharuddin. (1993), “Unsur Rasional dan Spiritual di Dalam Perubatan Melayu,” dalam Azizan Baharuddin (pnyt), Perubatan Dan Kesihatan Di Kalangan Orang Melayu, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya
- Esther Walcott. (2004). “Seni Pengobatan Alternatif: Pengetahuan dan Persepsi”, Kerja Kursus Program Australian Consortium for In Country Indonesia Studies (ACICIS), Malang, Indonesia: Universitas Muhammadiyah
- Hassan Azaizah, Bashar Saad, Edwin Cooper and Omar Said, (2010), “Traditional Arabic and Islamic Medicine, A Re-Emerging Health Aid”, eCAM 2010; vol. 7 (4), pp. 419–424
- Ibrahim Syed. (2003), “Spiritual Medicine in the History of Islamic Medicine”, JISHIM 2003, 2 (4), pp. 45-49
- John A. Astin. (1998), “Why Patients Use Alternative Medicine: Results of A National Study”, JAMA 1998; 279 (19), pp. 1548- 1553
- Khadher Ahmad. (2012). Analisis Hadith-Hadith Mengenai Rawatan Sihir Dalam Al-Kutub Al-Sittah: Aplikasi Di Pusat Rawatan Islam Di Malaysia. Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur, Malaysia
- Khadher Ahmad & Mohd Farhan Md Ariffin. (2013a). Pengobatan Alternatif Berteraskan Islam: Analisis

- Perkembangan Dan Hala Tujunya Di Malaysia. Jurnal ILIM: Institut Latihan Islam Malaysia, V. 6, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Malaysia
- Khadher Ahmad, et.al. (2013b). Seni Perubatan Alternatif Di Malaysia: Analisis Permasalahan Metode Rawatan. Global Journal Al-Thaqafah (GJAT), V. 4, Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah, Malaysia
- Khadher Ahmad & Mohd Farhan Md Ariffin. (2013c). Khurafat Tahyul dan Teknik Mistik dalam Rawatan Alternatif. Prosiding Seminar Hasil Penyelidikan Sektor Pengajian Tinggi Kementerian Pendidikan (SHP-KPT 2013). Anjuran Universiti Utara Malaysia (UUM), Kedah, Malaysia. Pada 2-3 Julai 2013
- Khadher Ahmad, Abdullah Yusuf & Mohd Farhan Md Ariffin. (2014a). Hala Tuju Pengubatan Alternatif Berteraskan Islam Di Malaysia: Kajian Persepsi Pengamal Perubatan. Al-Basirah Journal, Akademi Pengajian Islam Nilam Puri, Kelantan (ISSN: 2232-0423), bil. 4 (6): 109-134
- Khadher Ahmad, Mohd Farhan Md Ariffin, Abdullah Yusuf & Sedek Arifin. (2014b). Penyakit Spiritual, Fizikal Dan Mental Yang Dirawat Di Pusat Perubatan Alternatif Islam Di Malaysia: Satu Analisis. In Mohd Roslan Mohd Nor, Khadher Ahmad, *Islam & Ketamadunan Melayu: Kemasyarakatan Dan Isu Semasa*, hlm. 455-464. Kuala Lumpur: Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan APIUM
- Khadher Ahmad, Mohd Farhan Md Ariffin & Ishak Sulieman. (2014c). Pusat Rawatan Alternatif Islam Di Malaysia: Analisis Terhadap Latar Belakang Pengasas Dan Isu Penggunaan Jin Dalam Rawatan. Jurnal Usuluddin, APIUM, (ISSN: 1394-3723), bil. 40 (4): 71-98
- Mohd Farhan Md Ariffin, et.al., (2015). Pusat Perubatan Alternatif Islam Di Malaysia: Persepsi Perawat Terhadap Aplikasi Jin Dalam Rawatan. Journal of Islam and Contemporary Society UNISZA, bil. 9 (5): 61-86
- Roland Werner. (1983), *Transcultural Healing, The Whole Human*, (Kuala Lumpur: University Malaya Press
- Salim M Adib. (2004), "From The Biomedical Model To The Islamic Alternative: A Brief Overview Of Medical Practices In The Contemporary Arab World", *Social Science and Medicine* 2004, 58 (4), pp. 697-702
- Timmermans, Karin. (2001). ASEAN Workshop: TRIPS, CBD and Traditional Medicines: Concepts and Questions. Jakarta: 13-15:02.01
- Xu Hao, Chen Ke-Ji, (2012), *Complementary and Alternative Medicine: Is It Possible To Be Mainstream?*, *Chin J Integr Med* 2012, 18(6), 403-404